

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PELANCARAN KHIDMAT MASYARAKAT PBPM
Lokasi : PADANG BOLA HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR
Tarikh : 03-08-1996

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wataala kerana dengan izinNya dapat saya hadir di majlis yang permai hari ini.
2. Majlis ini mempunyai makna yang besar kerana bekas-bekas perajurit telah memainkan peranan bagi memperdekatkan diri dengan masyarakat sejagat serta menjaga alam sekitar.
3. Ia juga menunjukkan keprihatinan bekas-bekas perajurit terhadap seruan Kerajaan supaya menjadi masyarakat yang penyayang. Saya sedar bahawa bukanlah suatu perkara yang mudah bagi sesuatu pertubuhan kebajikan untuk menganjurkan aktiviti yang sebegini besar serta melibatkan tenaga yang banyak terutamanya di dalam soal menderma darah secara besar-besaran.
4. Di samping itu, saya juga difahamkan bahawa pada hari ini sahaja seramai 500 orang perajurit dan bekas perajurit telah tampil ke hadapan dan secara sukarela untuk menderma darah masing-masing kepada tabung darah Hospital Kuala Lumpur.
5. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas di atas usaha-usaha yang murni ini dan berharap semoga aktiviti ini akan diteruskan dari masa ke semasa.
6. Saya juga tertarik hati di atas dayausaha yang diambil oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk mendapatkan penaja bagi membeli enam buah lagi mesin haemodialisis bagi kegunaan ahli-ahli dan tanggungan mereka yang memerlukannya. Usaha-usaha seperti ini seharusnya diberi sanjungan dan pujian kerana ianya akan meringankan bebanan yang sedang ditanggung oleh pesakit-pesakit buah pinggang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Setiap hari kita disajikan dengan senario keruntuhan akhlak masyarakat kita. Pelbagai masalah kita dengar berlaku dalam institusi kekeluargaan pada masa kini. Penceraian, keganasan rumahtangga, penderaan kanak-kanak, kelakuan sumbang antara muhrim, pembuangan anak yang semakin menjadi-jadi dan pelbagai karenah lagi.
8. Senario ini seolah-olahnya memperlihatkan kepada kita bahawa institusi kekeluargaan di negara kita ini sedang menghadapi suatu era keruntuhan sosial yang amat ketara.
9. Oleh yang demikian, suatu pendekatan bagi menangani masalah sosial ini perlu diperkenalkan bagi menjamin institusi kekeluargaan terus berfungsi dalam pembinaan bangsa yang mantap.
10. Di dalam aspek ini masyarakat hendaklah dididik untuk menyedari betapa pentingnya mengamalkan nilai-nilai murni dan baik dalam keluarga seperti toleransi, sayang menyayangi, sabar, taat, setia, ikhlas dan sebagainya bagi membentuk keluarga yang sihat dan bahagia.

Hadirin yang dihormati,

11. Sungguhpun kita sedang mengorak langkah untuk menuju era negara maju dan memasuki industri berteknologi tinggi, aspek kebersihan alam sekitar hendaklah juga diberi keutamaan.
12. Walaupun masyarakat kita sedar terhadap kebersihan alam sekitar, ianya masih belum mendapat perhatian berat yang sewajarnya. Sebagai contohnya ialah pencemaran udara.
13. Dalam hubungan ini walaupun terdapat undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pengeluaran asap yang berlebihan oleh kenderaan, namun perkara ini masih berterusan. Bagi

mereka yang terlibat, setiap kesalahan boleh ditebus dengan denda yang dikenakan.

14. Persoalan yang timbul bukanlah kemampuan untuk membayar denda, tetapi kesedaran, kesungguhan dan tanggungjawab kita bersama untuk mengurangkan pencemaran, lebih-lebih lagi pencemaran udara, air dan pencemaran alam sekitar yang lain termasuklah flora dan fauna negara ini.

15. Masyarakat perlu diberi kesedaran sivik yang lebih mendalam bagi mendidik mereka supaya lebih peka terhadap pemeliharaan alam sekitar.

16. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk mengadakan majlis gotong-royong di Hospital Kuala Lumpur ini sepatutnyalah diberi pujian yang sewajarnya.

17. Tujuan bergotong-royong pada hari ini sebenarnya bukanlah untuk menunjukkan kepada masyarakat bahawa Hospital Kuala Lumpur ini tidak bersih atau sebagainya tetapi sebenarnya mempunyai unsur-unsur pendidikan kepada masyarakat supaya sama- sama bekerjasama untuk memelihara alam sekitar dan tidak mengharapkan pihak Kerajaan sahaja memikul tanggungjawab tersebut.

18. Saya berharap persatuan ini akan merancang lebih banyak lagi aktiviti untuk menggerakkan masyarakat supaya lebih prihatin terhadap tanggungjawab masing-masing kepada masyarakat dan alam sekitar.

19. Dengan harapan tersebut, saya dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang dengan sukacitanya merasmikan projek khidmat masyarakat anjuran Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dengan kerjasama Hospital Kuala Lumpur.